

27 MAY 1997

Kemboja-Politik

PARTI POLITIK KEMBOJA MINTA BANTUAN MALAYSIA PULIHKAN KEAMANAN

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) --Sebuah parti politik Kemboja meminta Malaysia membantu memulihkan keamanan dan kestabilan negaranya berikutan keategangan yang terus meningkat di negara Asia Tenggara itu.

Presiden Parti Demokrasi Bebas Merdeka Kemboja (CFIDP) Dr Mohamed Long Bora Abdullah hari berkata beliau akan meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa dua puak bertelagah Kemboja ke meja perundingan untuk menyelesaikan perbezaan politik mereka.

"Rakyat Kemboja dan saya sangat menghormati Dr Mahathir dan saya berharap beliau dapat membantu kami," katanya dalam satu temuramah di sini.

Dr Mohamed berkata beliau akan menyampaikan permintaan CFIDP supaya pemimpin kedua-dua puak bertelagah itu dipelawa ke Kuala Lumpur, sekiranya beliau berpeluang menemui Dr Mahathir.

Perdana Menteri Pertama Kemboja Putera Norodom Ranariddh dan Perdana Menteri Kedua Hun Sen terbabit dalam satu pertelingkahan politik yang menimbulkan kebimbangan bahawa bekas negara perang itu akan kembali kepada keadaan ketidakstabilan politik yang serius.

Putera Ranariddh ialah pemimpin parti diraja Funcinpec manakala Hun Sen mengetuai Parti Rakyat Kemboja (CPP), bekas parti komunis negara itu.

Kedua-dua parti itu berkongsi kuasa dalam pemerintahan campuran dan beberapa bulan lepas bertelagah dalam usaha memperkukuhkan asas politik masing-masing.

Sambil menyatakan keyakinannya bahawa Ranariddh dan Hun Sen akan bersetuju dengan pertemuan itu, Dr Mohamed berkata Malaysia berada dalam kedudukan terbaik untuk memainkan peranan itu kerana pelaburan besarnya di Kemboja.

Dr Mohamed, 57, berkata kestabilan politik sangat penting bagi memastikan pelaburan asing yang berterusan dan kemasukan Kemboja dalam Asean yang dijangka tahun ini.

Bekas peguam itu berkata parti beliau akan bertanding pada pilihan raya tahun depan tanpa menyertai mana-mana gabungan.

Walaupun CFIDP tewas tanpa sebarang kerusi pada pilihan raya 1993, ia berada pada kedudukan keempat dengan satu juta undi. Dr Mohamed mendakwa parti itu mempunyai 150,000 anggota.

Pilihan raya 1993 anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) membawa demokrasi dan keamanan kepada negara yang mempunyai lapan juta penduduk itu selepas 20 tahun berperang.

Mengulas kejadian dua rakyat Malaysia mati ditembak di Kemboja minggu lepas, Dr Mohamed berkata beliau akan meminta Phnom Penh menghantar mereka yang terbabit ke Malaysia bagi menghadapi tuduhan.

"Undang-undang kami sangat longgar pada masa ini," kata beliau.

-- BERNAMA

RV NAK